KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	-			

Taman Negara Pahang mula dikunjungi orang ramai

Kosmo 19 Okt 2021_5

JERANTUT – Penggiat ekopelancongan lima buah perkampungan tradisional di pesisir Sungai Tembeling dan Taman Negara, di sini menarik nafas lega selepas pelancong mula mengunjungi kawasan berkenaan susulan kebenaran rentas negeri dan pembukaan semula Taman Negara pada 12 Oktober lalu.

Rata-rata penduduk dan pengusaha pelancongan menyifatkan pembukaan semula Taman Negara amat penting bagi membolehkan mereka memperoleh pendapatan dalam tempoh tidak sampai sebulan lagi sebelum musim tengkujuh.

Tinjauan *Kosmo!* di pusat ekopelancongan kampung tradisional Kuala Sat, Hulu Tembeling mendapati terdapat sebilangan pengunjung dalam dan luar negeri ke kawasan itu bersama keluarga.

Pengusaha ekopelancongan Kampung Kuala Sat, Masdi Ahmad berkata, pelawat mula mengunjungi kampung itu untuk menikmati keunikan cara hidup penduduk tempatan dan keindahan alam sekitar di kampung tradisional Melayu Ulu Tembeling termasuklah melihat kehidupan Orang Asli etnik Bateq di pesisir Sungai Tembeling dan Sungai Sat.

"Bersyukur kerana Kuala Sat dikunjungi semula pelawat luar dan kami berasa sedikit lega kerana dapat memperoleh pendapatan semula untuk menyara kehidupan dalam tempoh pemulihan pandemik Covid-19 ini.



SEBAHAGIAN pengunjung domestik bergambar di pintu masuk Taman Negara di Kuala Tahan, Jerantut baru-baru ini.

"Kehadiran pelawat dapat memulihkan semula ekonomi dan memberi pendapatan kepada penduduk di sini yang semata-mata bergantung sepenuhnya kepada sektor pelancongan ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) Kuala Tahan, Abdul Jalil Abd. Rahman berkata, dia dan rakan penggiat pelancongan di Kuala Tahan berasa lega dan bersyukur apabila sektor ekopelancongan kembali dibuka.

Dia yang juga pemandu pelancong berkata, pembukaan semula Taman Negara juga memberi nafas baharu khususnya buat pemandu pelancong yang terputus sumber pendapatan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sementara itu pengusaha rumah inap Greenland Guest House, Afzal Abdul Aziz berkata, pengusaha pelancongan di Taman Negara hanya mempunyai masa kira-kira sebulan bagi mengumpul pendapatan sebelum musim tengkujuh.

"Kita optimis ada pengunjung domestik seluruh negeri ini dan Lembah Kelang akan datang kerana taman ini agak sinonim bagi kebanyakan keluarga bercuti pada hujung minggu sebelum ini," ujarnya.